

STATUS WANITA DALAM  
UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

OLEH  
PAIZAH HJ. ISMAIL

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi syarat bagi  
memperolehi Ijazah Doktor Falsafah

Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
1995

Perpustakaan Universiti Malaya



A506426317



## **DEDIKASI**

*Untuk al-Marhum ayahanda, Hj. Ismail Yusuf*

*"Doaku sepanjang masa atas kejayaan mu mendidik  
ku."*

*Untuk ibunda, Hajah Che' Hawa bt. Mamat*

*"Sifat penyayang mu menjadi teladanku."*

*Untuk suami, Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid*

*"Bimbingan dan tunjuk ajar mu sumber segala  
kejayaan ku."*

*Untuk anak-anak, Ahmad Naji, Ahmad Syadi dan Ahmad Wafi*

*"Semoga kejayaan ku menjadi perangsang segala  
cita-cita mu."*

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejaughmana kedudukan wanita dalam undang-undang jenayah Islam berbanding dengan kedudukan lelaki. Dari segi ilmiahnya ia diharapkan dapat memberi penjelasan tentang aspek yang sama dan yang tidak sama di antara lelaki dan wanita dalam hal berkenaan. Sementara dari segi amalinya pula ia diharap dapat memudahkan kerja-kerja pengkalanunian undang-undang jenayah Islam bagi dilaksanakan dalam masyarakat masakini.

Bagi memenuhi objektif berkenaan, rujukan telah dibuat kepada *nas-nas al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, iaitu sumber-sumber asasi hukum Islam. Dalam menghuraikan dan menganalisis *nas-nas* berkenaan, bukan sahaja pengertian secara literal telah digunakan, tetapi prinsip dan semangat dari *nas-nas* itu juga diambil kira. Di samping itu keadaan semasa dan persekitaran diberi perhatian yang wajar dalam penganalisisan berkenaan.

Antara penemuan kajian ini ialah bahawa banyak daripada pandangan umum berhubung masalah berkenaan berasaskan kepada huraian fuqahā' semata-mata dan bukan kesimpulan secara langsung dari *nas-nas al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*. Berasaskan kepada realiti sekarang, *nas-nas al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* boleh memberi kesimpulan bahawa tidak ada perbezaan kedudukan di antara wanita dan lelaki dalam undang-undang jenayah Islam, kecuali dalam beberapa hal yang sangat sedikit berbangkit dari perbezaan psiologi, psikologi, fungsi sosial dan sebagainya di antara mereka. Walaupun begitu jelas sekali perbezaan berkenaan tidak sekali-kali berdasarkan diskriminasi jantina, tetapi ianya berdasarkan kepada konsep keadilan di dalam undang-undang jenayah Islam itu sendiri.

## ABSTRACT

The research aims to study the position of woman in Islamic criminal law as compared to the position of man. It is hope to give a satisfactory explanation on the question of equality between the two sexes in the above respect acadamically. While for pratical purposes, it is very much hope that the research can be of assistance in drafting the code of Islamic penal law in view to implemant it presently.

To meet the above objectives, the research refers to texts of the Quran and the Sunnah, as they are the primary sources of Islamic law. In elaborating and analysing these texts, not only the literal meaning of texts is considered, as done by many but also the spirit and principle that lay behind the text, are looked upon. Present state of affairs and conditions is also considered in the above analysis.

From the research findings, one can say that the popular or general view on the question of woman's position in Islamic criminal law has been the view and

elaboration of jurist solely. It is not a direct conclusion from the texts of the Qurān and Sunnah. Judging or looking to the present reality of life, the texts of the Qurān and Sunnah tell us that man and woman are actually equal in the Islamic criminal law, except in insignificant few such as differences in physiology, psychology, social function, etc. Even so, these differences is not sexual discrimination, but a requisite in upholding justice and fair treatment in the Islamic criminal law itself.

## PENGHARGAAN

Segala pujian ditujukan kepada Allah s.w.t. dan selawat dan salam kepada junjungan Nabi besar Muhammad s.a.w.

Sesungguhnya setinggi-tinggi kesyukuran hanya kepada Allah s.w.t. jua, kerana dengan limpah kurnia dan 'inayahnya tesis ini selesai ditulis dan selamat disiapkan.

Di samping itu setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia tesis ini, Profesor Madya Dr. Abdullah @ Alwi Hj. Hasan, Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, walaupun dengan kesibukan beliau, telah sudi untuk melapangkan masa memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat berguna di sepanjang penulisan tesis ini. Semoga segala tunjuk ajar dan bimbingan beliau itu akan mendapat keberkatan dan balasan dari Allah s.w.t.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih saya tujukan kepada Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan rakan-rakan pensyarah di Akademi Islam khususnya dan di Universiti Malaya umumnya kerana banyak menyumbangkan kemudahan bahan-bahan rujukan bagi penulisan tesis ini. Tanpa kemudahan dan kerjasama yang diperolehi itu, kemungkinan tesis ini tidak secepat yang dihasilkan.

Begitu juga, ucapan terima kasih saya tujukan kepada Puan Zainon binti Adon, Jurutaip di Pejabat Pentadbiran Am Akademi Islam, Universiti Malaya atas kerjasama yang diberikan sepanjang tesis ini disiapkan. Semoga Allah s.w.t. akan membalaas kebaikan itu dengan sebaik-baik balasan.

Akhirnya, kepada semua pihak yang telah menyumbangkan segala kerjasama kepada penulisan tesis ini saya ucapakan berbanyak-banyak terima kasih.

12 Rabi'ul Awwal 1416  
9 Ogos 1995

PAIZAH HJ. ISMAIL  
Fakulti Syariah  
Universiti Malaya

## KAEDAH TRANSLITRASI

Dalam tesis ini perkataan-perkataan dan huruf-huruf Arab dirumikan mengikut kaedah translitrasi berikut:

a	ا	t	ط
b	ب	z	ظ
t	ت	'	
th	ث	gh	
j	ج	f	
h	ح	Q	
Kh	خ	K	
d	د	l	
dz	ذ	m	
r	ر	n	
z	ز	h	
s	س	w	
sy	ش	'	
s̤	ص	y	ي
d̤	ض	-	مڈ

## KANDUNGAN

Halaman

DEDIKASI	-
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
KAEDAH TRANSLITRASI	vii
KANDUNGAN	viii
PENDAHULUAN	1
<b>BAB PERTAMA: KEDUDUKAN WANITA SECARA UMUM DARI PERSPEKTIF AL-QUR'ĀN DAN AL-SUNNAH</b>	11 - 117
Pendahuluan	11
Pandangan Islam mengenai wanita .	13
Istilah wanita dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah	15
Hukum mengenai wanita dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah	33
Kesimpulan	97
<b>BAB KEDUA: WANITA SEBAGAI SUBJEK JENAYAH</b>	118 - 189
Pendahuluan	118
Konsep jenayah	119
Subjek jenayah	126

**HALAMAN**

Wanita sebagai subjek jenayah	136
Kes-kes jenayah wanita di zaman awal Islam	142
Tanggungjawab jenayah	154
Pengecualian	160
Kesimpulan	180
<b>BAB KETIGA: HUKUMAN-HUKUMAN ATAS WANITA YANG MELAKUKAN JENAYAH</b>	<b>190 - 343</b>
Pendahuluan	190
Konsep Hukuman	191
Ciri-ciri penting dalam hukuman	196
Objektif Hukuman atau Kesiksaan	202
Bahagian-bahagian hukuman atau Kesiksaan	210
Hukuman-hukuman atas penjenayah wanita	215
Wanita dan hukuman <i>Qisās</i>	218
Tanggungjawab wanita atas hukuman <i>Diyat</i>	240
Wanita sebagai 'Āqilah	257
Wanita dan hukuman <i>Hudūd</i>	261
Wanita dan hukuman <i>Ta'zīr</i>	317
Kesimpulan	326
<b>BAB KEEMPAT: WANITA DAN PENGADILAN JENAYAH</b>	<b>344 - 419</b>
Pendahuluan	344
Wanita sebagai hakim jenayah	349
Kesaksian wanita dalam kes-kes jenayah	362

**HALAMAN**

Pengakuan wanita	375
Prosedur bersumpah	382
Asas penerimaan sumpah dalam kes-kes pembunuhan	390
Wanita sebagai pendakwa jenayah	396
Wanita sebagai "Wali Dam"	400
Wanita sebagai peguam jenayah	406
<b>BAB KELIMA: ANALISA PERBANDINGAN ANTARA PRINSIP SYARI'AT DAN IJTIHAD FUQAHĀ' TENTANG STATUS WANITA DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM</b>	<b>420 - 486</b>
Pendahuluan	420
Antara wanita dan lelaki secara umum	421
Bentuk dan sifat masyarakat Islam	427
Wanita dalam masyarakat Islam	431
Wanita sebagai subjek jenayah	439
Wanita dan hukuman <i>Qisās</i>	444
Diyat wanita	451
Wanita dan <i>Hudūd</i>	454
Wanita dan <i>Ta'zīr</i>	465
Wanita dan pengadilan jenayah	466
<b>PENUTUP</b>	<b>487</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>498</b>

# **PENDAHULUAN**

## PENDAHULUAN

Antara persoalan yang menimbulkan kontroversi dalam undang-undang jenayah Islam pada masa kini ialah tentang kedudukan atau status wanita di dalamnya. Pada pokoknya ia boleh dikatakan sebagai hasil pertembungan pendapat antara para pendokong pandangan klasik fiqh Islam yang bersikap konservatif terhadap para wanita dalam masyarakat umum, dan para pendokong gerakan pembebasan wanita yang banyak terpengaruh dengan liberalisme barat.

Akibat dari kontroversi berkenaan, pandangan Islam tentang persoalan ini menjadi agak kabur. Kerana masing-masing pihak mempunyai pandangan sendiri, dan sanggup meneruskan perbezaan pendapat di antara mereka dengan berbekalkan latarbelakang dan tradisi ilmu yang berbeza di antara satu sama lain.

Kajian ini merupakan satu usaha untuk menilai kembali kontroversi berkenaan dengan cara meneliti nas-nas syarak bagi menentukan pandangan sebenar Islam dalam masalah ini. Kerana apa yang biasa disebut sebagai hukum Islam oleh para pendokong pandangan klasik fiqh Islam kadangkala bukan pengertian atau

kesimpulan secara langsung dari *nas-nas syarak*, tetapi hasil ijtihad *fuqahā'* semata-mata. Sebagaimana diketahui umum di kalangan para pelajar undang-undang Islam, hasil ijtihad, meskipun dianggap sebagai hukum Islam, tetapi status kebenarannya tidak mutlak. Ia tertakluk kepada penilaian semula dari masa ke masa dengan mengambil kira keadaan setempat dan semasa.

Di sebaliknya pula, apa yang disebut sebagai persamaan antara lelaki dan wanita juga perlu dilihat dengan secara mendalam dan objektif. Kerana memang menjadi kenyataan bahawa kedua-dua jenis manusia ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan merupakan unsur pelengkap antara satu sama lain. Bagi menjamin sifat objektif pada pandangan itu sendiri *nas-nas Syari'at* perlu menjadi panduan yang mutlak, kerana pendapat manusia walau bagaimana objektif sekalipun tetap juga dipengaruhi oleh ilmu, pengalaman persekitaran dan sebagainya yang tidak dapat lari dari nilai-nilai subjektif.

Tesis ini tidak akan membincangkan kontroversi itu sendiri atau menganalisis pandangan-pandangan yang terlibat di dalamnya. Kerana apa yang penting ialah apakah pandangan sebenar Islam terhadap masalah berkenaan dan sejauhmanakah persoalan ini dapat dianalisis dari persekitaran semasa setakat yang

dibenarkan oleh Syaria't Islam.

### Latar Belakang Kajian

Bagaimanapun, perbezaan pendapat tentang kedudukan wanita dalam undang-undang jenayah Islam ini bukan suatu perkara baru. Pada asasnya ia merupakan sebahagian dari perbezaan-perbezaan pendapat di kalangan para fuqahā' sejak dari zaman permulaan Islam lagi. Cuma, kadangkala dimensi dan skopnya berbeza mengikut keadaan dan realiti bila dan di mana perbezaan pendapat itu sendiri diperkatakan dan siapa yang memperkatakannya.

Dari aspek inilah tesis ini memperolehi sifat barunya. Ia bukan suatu huraian yang deskriptif terhadap tafsiran para ulamā' yang terdahulu terhadap nas-nas syarak yang berkenaan, tetapi suatu ulangkaji yang mengambil kira perubahan realiti yang ada, baik dari segi perkembangan ilmu, intelektual, sosial dan sebagainya. Dengan kata lain, ia merupakan suatu usaha melihat semula pentafsiran-pentafsiran terhadap nas-nas syarak dengan mengambil kira realiti semasa setakat yang dibenarkan oleh Syari'at Islam.

Sejauh mengenai tajuk kajian ini secara tepat, setakat ini belum ada suatu kajian semasa yang mendalam dan merangkumi segala aspek yang berhubung dengan kedudukan wanita dalam persoalan berkenaan. Apa yang ada hanya beberapa penulisan tentang kedudukan wanita secara umum atau tentang undang-undang jenayah Islam secara umum. Penulisan-penulisan ini meskipun ada menyentuh tentang kedudukan wanita dalam undang-undang jenayah Islam, tetapi tidak begitu mendalam dan tidak merangkumi setiap aspek undang-undang berkenaan atau aspek hidup wanita yang ada hubungkait dengan undang-undang itu sendiri.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapat banyak faedah daripada penulisan-penulisan tersebut. Kerana itu, di samping penelitian terhadap kitab-kitab tafsir, hadis dan kitab-kitab fiqh klasik, kajian ini juga membuat penelitian terhadap hasil-hasil penulisan seperti di atas. Dengan kata lain, hasil kajian dalam tesis ini bukan hanya berasaskan kepada *nas-nas* syarak yang ditafsirkan begitu sahaja, tetapi juga mengambil kira perkembangan pentafsiran para fuqahā' dari zaman ke zaman terhadap *nas-nas* yang berkenaan.

## **Objektif Dan Kepentingan Kajian**

Objektif kajian ini ialah untuk menentukan pandangan sebenar Syari'at/Islam tentang kedudukan atau status wanita dalam undang-undang jenayah Islam. Disamping tujuan akademik dan pencarian kebenaran tentang persoalan berkenaan, ia bertujuan untuk membawa fiqh Islam dalam masalah berkenaan setapak kehadapan, iaitu dengan mengambil kira mentaliti dan realiti semasa dalam memahami nas-nas syarak.

Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk membantu serta memudahkan pihak berkuasa di negara ini dalam usaha merangka undang-undang jenayah Islam yang tidak lagi menimbulkan kontroversi tentang kedudukan wanita di dalamnya. Adalah nyata bahawa semangat kembali kepada Islam di Malaysia sekarang telah membentuk suatu agenda yang jelas. Tetapi dalam mengisi agenda berkenaan, umat Islam sendiri kadang-kadang menghadapi kekurangan bahan semasa yang bernilai dan sesuai dilaksanakan.

## **Skop Kajian**

Berasaskan kepada objektif dan kepentingan di atas, skop kajian ini telah digariskan dalam bentuk yang sederhana sekali. Ia tidak begitu luas sehingga sukar dirangkum oleh penganalisisan yang berkaitan dan tidak pula terlalu sempit sehingga tidak merangkumi aspek-aspek yang perlu dalam persoalan berkenaan.

Kerana apa yang menjadi persoalan sebenar dalam tesis ini bukan kedudukan wanita itu sendiri secara yang menyeluruh dalam Syari'at Islam, dan bukan juga undang-undang jenayah Islam itu sendiri secara menyeluruh. Sebaliknya ialah kedudukan wanita dalam aspek-aspek tertentu dalam undang-undang jenayah Islam. Dengan lain perkataan, ia melibatkan dua bidang yang tersendiri, iaitu bidang pengajian wanita dan bidang pengajian undang-undang jenayah Islam.

Di samping itu, kajian dalam tesis ini bersifat penerokaan, atau penampilan maklumat dan penganalisisan asas. Ia perlu diikuti oleh kajian-kajian lain yang lebih khusus dan mendalam, terutama mengenai hakikat kejadian wanita itu sendiri samada dari segi psiologi, psikologi, mentaliti, emosi dan sebagainya, dan apa kesannya terhadap tindak tanduk

mereka dalam atau terhadap hal-hal yang berhubung dengan jenayah.

Di bawah pengaruh ledakan ilmu pengetahuan yang sedang berlaku pada masa kini, pengajian wanita serta juga undang-undang jenayah secara umum turut berkembang pesat. Begitu pun masih banyak persoalan baru yang perlu dijawab dengan tepat dan berkesan hasil daripada kemajuan hidup yang dicapai oleh masyarakat manusia sekarang.

#### **Metodologi Kajian**

Kajian ini secara keseluruhannya bersifat kajian perpustakaan. Kerana ia hanya melibatkan doktrin undang-undang jenayah Islam dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah, dan penafsiran para fuqahā' terhadapnya. Walau bagaimanapun ia bukanlah suatu ulangkaji yang deskriptif, tetapi suatu penganalisisan semula berdasarkan kepada kaedah yang terpakai dalam methodologi hukum Islam.

Dalam melaksanakan kajian ini, penumpuan utama diberikan kepada usaha memungut data-data berkenaan dari al-Qur'ān dan al-Sunnah. Data-data berkenaan kemudian diolah dan ditafsirkan dengan berpandukan

kepada tafsiran-tafsiran para ulamā' yang muktabar seperti Ibn Kathīr, al-Tabarī, al-Qurtubī, Ibn al-'Arabī dan sebagainya di bidang tafsīr al-Qur'ān, dan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, al-Nawawī, al-Suyūṭī, al-Syawkānī dan sebagainya di bidang hadis.

Di samping itu, kitab-kitab fiqh yang muktabar juga dijadikan panduan dalam mentafsirkan naṣṣ-naṣṣ berkenaan. Antara kitab-kitab berkenaan ialah seperti al-Um' oleh al-Syāfi'i, Bidāyat al-Mujtahid oleh Ibn Rusyd, al-Muhadzdzb oleh al-Syīrāzī, al-Mughnī oleh Ibn Qudāmah, al-Majmū' oleh al-Nawawī, Badā'i' al-Sanā'i' oleh al-Kāsānī, Fath al-Qadīr oleh Ibn al-Humām, al-Muhallā oleh Ibn Ḥazm dan banyak lagi.

Dalam mengulas data-data berkenaan, berbagai bagai metode telah digunakan, termasuk metode induktif, diduktif dan komparatif. Bagi tujuan tersebut, kaedah-kaedah yang terdapat dalam "Uṣūl/<sup>al-</sup>Fiqh" telah digunakan sepenuhnya.

### Susunan Penulisan

Tesis ini disusun berdasarkan lima bab, dengan didahului oleh satu pendahuluan dan diakhiri oleh satu penutup. Dalam pendahuluan suatu huraian ringkas

tentang latar belakang tesis ini telah dibuat, termasuk mengenai objektif, kepentingan, skop dan metode yang digunakan. Tujuannya ialah untuk menjelaskan bentuk sebenar tesis ini dan bagaimana kajian yang diperlukan untuknya dilakukan.

Bab Pertama telah dimuatkan dengan data-data yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tentang kedudukan wanita secara umum dalam syari'at Islam. Ia bertujuan untuk menggariskan prinsip umum syari'at tentang kedudukan wanita dalam Islam bagi dijadikan landasan teori kepada perbincangan seterusnya mengenai kedudukan wanita dalam undang-undang jenayah Islam.

Bab Kedua mengandungi huraian tentang kedudukan wanita sebagai penjenayah. Secara umumnya ia menganalisis tentang kewajipan wanita untuk dianggap sebagai penjenayah yang akan menanggung segala akibat dari perbuatan dan niat jahat sama seperti lelaki atau sebaliknya. Tujuannya ialah untuk memperjelaskan samada terdapat apa-apa perbezaan atau sebaliknya di antara lelaki dan wanita dalam aspek berkenaan.

Bab Ketiga menghuraikan tentang hukuman yang perlu dilaksanakan ke atas wanita yang melakukan jenayah, samada sama atau sebaliknya dengan apa yang

perlu dilakukan ke atas penjenayah lelaki. Ia bertujuan untuk menganalisis samada terdapat persamaan atau sebaliknya di antara wanita dan lelaki dalam aspek berkenaan.

Dalam Bab Keempat pula,uraian telah dibuat mengenai aspek-aspek prosedur bagi menjelaskan samada terdapat persamaan atau tidak antara wanita dan lelaki dalam aspek berkenaan, termasuk untuk menjadi hakim, saksi, pendakwa, melakukan sumpah dan sebagainya.

Satu analisis yang membincangkan semua data-data yang ada mengenai tajuk berkenaan telah dibuat dalam Bab Kelima yang merupakan kemuncak penganalisan tesis ini. Ia menganalisis segala aspek yang berhubung dengan kedudukan wanita dalam undang-undang jenayah Islam, dengan mengambil kira nilai sebenar yang tersebut dalam *nas-nas syarak* dan yang merupakan uraian serta pandangan para fuqahā'.

Dalam bahagian penutup satu intisari telah dibuat. Ia kemudian diikuti dengan kesimpulan dan kemudiannya dengan saranan dan cadangan yang perlu diberi perhatian oleh para penyelidik.